

26/10/2003

Dr M buka mata dunia menjelang persaraan

Kadir Dikoh

MENJELANG hari terakhir pemerintahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang penuh berwarna warni, media utama dunia terutama Amerika Syarikat sekali lagi memberi tumpuan kepada beliau meskipun isu Yahudi yang ditonjolkan adalah `berita basi' dalam istilah dunia kewartawanan.

Ini kerana kenyataannya berkaitan Yahudi bukan perkara baru dan enam tahun lalu pun, Perdana Menteri sudah menjelaskan bahawa beliau bukan anti-Semitik setelah menamakan penyangak mata wang George Soros yang kebetulan berketurunan Yahudi sebagai orang yang bertanggungjawab memiskinkan rantau Asia.

Ketika itu pun, beliau sudah dikecam pemimpin Barat sama ada yang berketurunan Yahudi atau yang ada kepentingan dengan bangsa minoriti yang amat berpengaruh itu termasuk menguasai Rumah Putih di Amerika Syarikat.

Selain agensi berita antarabangsa seperti Reuters dan The Associated Press (AP), media dan akhbar utama dunia seperti Washington Post, The New York Times, Voice of America (VOA) News, The Guardian, The Daily Telegraph, The Australian, Riyadh Daily dan Aljazeera turut memuatkan cerita mengenai Dr Mahathir.

Tajuk media Barat saja sudah cukup memberi gambaran betapa ia dan pemimpin mereka begitu emosional apabila menerima teguran tetapi mereka akan lebih selesa dan mudah sekali menggelar orang Islam sebagai pengganas. Tiada teguran pun dibuat oleh Presiden George W Bush apabila seorang jeneralnya, memberi ucapan yang disifatkan bernada anti-Islam.

Masyarakat Islam di Asia Barat sepatutnya melenting kerana sindiran sinis Dr Mahathir dalam ucapan pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan

Islam (OIC) di Putrajaya, 17 Oktober lalu itu yang mendedahkan betapa lemahnya umat Islam kerana berhadapan musuh menggunakan emosi, bukan akal

fikiran. "Sudah tiba masanya kita berhenti sejenak dan berfikir. Lebih separuh abad kita berperang kerana Palestin. Apa yang kami capai?... kosong," kata Dr Mahathir.

Ungkapan Dr Mahathir yang ditujukan kepada masyarakat Islam itu juga harus dituju kepada Presiden Amerika Syarikat. Sudah tiba masanya bagi Bush untuk merenung, berhenti daripada niat menyerang negara Islam satu demi satu, berhenti sejenak menuding jari kepada umat Islam sebagai pengganas, renung kembali dan menilai semula keadaan untuk mencari jalan sebaik mungkin menangani masalah keganasan dunia. "Apa yang kita capai?...kosong, inilah sepatutnya keluar daripada mulut Bush.

Apabila sudah merasakan bahawa kempen anti-keganasannya di seluruh dunia

kurang memberi kesan, malah bagaikan meludah ke langit, renungkanlah di mana silapnya. Guna akal, kata Dr Mahathir, bukan menyerang secara membabi buta.

Fikirkanlah.... "mengapa hari-hari askar Amerika di bumi Iraq diserang hendap, mengapa umat Islam sanggup meletup bom pada badan, mengapa orang

Islam semakin benci kepada Bush dan Amerika, mengapa pagar pejabat kedutaan Amerika di seluruh dunia terpaksa dibina seperti tembok besar China, mengapa pula Iran dan Syria menjadi sasaran, mengapa selepas didedahkan Iraq tiada senjata pemusnah Bush tidak pernah mengaku, mengapa Bush tidak mengutuk seorang jeneralnya yang memberi kenyataan anti-Islam, mengapa senjata nuklear milik Israel tidak pernah dibongkar, mengapa dan mengapa.

Media Barat pula perlu merenung sejenak dan bukan mengapikan keadaan, apatah lagi menonjolkan isu provokatif tanpa mengambil kira inti pati keseluruhan ucapan Dr Mahathir itu.

Misalnya, akhbar New York Times keluaran Selasa lalu bertajuk "Malaysian Leader's Talk Attacking Jews Draws Ire" (Kenyataan pemimpin Malaysia menyerang Yahudi mencetus kemarahan), "Bush Tells Malaysian Leader That Comments on Jews Were Wrong" (Bush memberitahu pemimpin Malaysia bahawa komen mengenai Yahudi salah) dan akhbar itu turut menyiarkan laporan agensi berita The Associated Press (AP) dengan tajuk "Malaysian PM Repeats Charge About Jews" (PM Malaysia ulangi tuduhan mengenai Yahudi) dan laporan Reuters pula diberi tajuk "Unrepentant Mahathir Says Jews Control the World" (Mahathir yang tidak kesal kata Yahudi menguasai dunia).

"Unrepentant" bermaksud orang yang tidak insaf, tidak taubat atau tidak kesal dan apakah Dr Mahathir perlu insaf pada hal apa yang dikatakannya mengenai puak 'Yahudi memerintah dunia secara proksi' itu adalah berdasarkan fakta dan sejarah. Umum tahu, berapa ramai ahli kongres dan penasihat Yahudi di dalam pentadbiran Bush di Rumah Putih dan sesiapa saja yang mengidam jawatan Presiden Amerika, kena ambil hati orang Yahudi.

Semua laporan itu ditulis dari Bangkok termasuk petikan daripada akhbar Bangkok Post yang menyiarkan temu ramah eksklusifnya dengan Dr Mahathir ketika menghadiri Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) serta sidang akhbar yang penuh sesak dengan wartawan asing, seperti biasa.

"Sherif" yang dilantik Amerika untuk "menjaga rantau ini" iaitu Australia juga lantang mengecam Dr Mahathir. Umum mengetahui pemimpin Australia tidak pernah sukakan Malaysia dan Dr Mahathir sejak zaman Perdana Menteri Paul Keating yang menggelar Dr Mahathir sebagai "keras kepala" kerana enggan menyertai sidang Apec di Seattle pada 1993 sehinggalah kepada Perdana Menteri sekarang, John Howard.

Akhbar The Australian misalnya menyiarkan berita atas tajuk "Mahathir Slams 'nasty' Aussie PMs" (Mahathir hentam PM Australia yang 'jahat') dengan menyatakan bahawa Dr Mahathir "evoked the coldest days of Australian-Malaysian relations, apabila Dr Mahathir menyelar Howard (membangkitkan hubungan Australia-Malaysia yang paling dingin).

Dalam satu sidang akhbar di Bangkok Selasa lalu, Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan Howard yang menyifatkan hubungannya dengan Perdana Menteri Malaysia itu sebagai hubungan yang tegas dan mengapa hubungan itu menjadi begitu buruk.

Dr Mahathir menjawab: "Ia menjadi begitu bukan kerana saya. Kalangan pemimpin Australia sendiri yang buat komen jahat dengan mengatakan saya sebagai `keras kepala' dan John Howard membuat kenyataan yang sama - berulang kali".

Akhbar The Guardian yang berpangkalan di London dalam terbitannya bertarikh 18 Oktober lalu iaitu sehari selepas Dr Mahathir menyampaikan ucapan di sidang OIC di Putrajaya, melaporkan berita atas tajuk "West accuses Malaysian PM of racism". (Barat menuduh PM Malaysia sebagai perkauman).

Intro berita itu berbunyi: "International condemnation rained down on the Malaysian Prime Minister, Mahathir Mohamad, yesterday after he launched an extraordinary attack on Jews at the start of a summit of Islamic leaders" (Kutukan antarabangsa bertalu-talu terhadap Perdana Menteri Malaysia, Mahathir Mohamad, semalam selepas beliau melancarkan serangan luar biasa mengenai Yahudi pada permulaan sidang kemuncak pemimpin Islam). Laporan itu ditulis oleh korespondennya bagi Asia Tenggara, John Anglionby.

Sejak bila pula serangan Dr Mahathir ke atas Yahudi itu sebagai `luar biasa' sedangkan ini bukan kali pertama beliau memperkatakan isu yang sama. Natiujahnya wartawan terbabit tidak membuat penyelidikan.

Pada perenggan kelima laporan itu menyebut "Mr Mahathir has refused to comment". (Dr Mahathir enggan mengulas). Pembantu Dr Mahathir berkata, orang bernama Anglionby tidak ada menghubungi untuk bertanya sama ada Perdana Menteri mahu mengulas atau tidak, tetapi difahamkan beliau tidak menghadiri sidang akhbar Dr Mahathir pada akhir OIC yang diadakan sehari kemudian.

Akhbar The Telegraph yang memetik laporan Reuters dari Bangkok Selasa lalu pula meletakkan tajuk berbunyi "Stubborn Mahathir denies Bush rebuke on Jew slur" iaitu "Mahathir yang degil menafikan Bush mencerca mengenai Yahudi", dengan intro berita itu berbunyi: "An unrepentant Malaysian Prime Minister Mahathir Mohamad today repeated his belief that Jews rule the world, denied Presiden George W Bush had rebuke him for it dan hit out at Australian leader John Howard".

Pernakah atau tergamakkah akhbar ini menggunakan perkataan "Stubborn" untuk Bush dan Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon?

Laman web radio Voice of America (VOA) News memaparkan tajuk beritanya berbunyi "Malaysian PM reiterates controversial comment about Jews". (PM Malaysia mengulangi komen kontroversi mengenai Yahudi). Antara lain ia membuat ulasan iaitu "During his 22 years in office, Mahathir Mohamad has never shied away from spotlight. In a soft, sometimes near-monotone voice, he has attacked Europeans, Jews, homosexual, international financiers and environmentalist."

VOA News juga mendakwa bahawa tindakan Dr Mahathir menentang rancangan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) kerana kononnya takut ia mengganggu kroni Perdana Menteri itu yang dijaga dengan baik.

Bagaimanapun, Washington Post turut menyiarkan penafian Dr Mahathir kononnya dicela oleh Bush, dengan tajuk beritanya berbunyi "Mahathir says

Bush did not rebuke him". (Mahathir kata Bush tidak mencela beliau)".

Akhbar Riyadh Daily Rabu lalu pula menyiarkan laporan bertajuk "Mahathir

hits Jews Anew" dengan melaporkan "Shrugging off US Condemnation, Malaysian Prime Minister Mahathir Mohamad renewed his attack on `arrogant`

Jews Tuesday, saying the reaction to his recent controversial comments confirms they `control the world`.

Apapun, nama Dr Mahathir terus menjadi buah mulut di mata dunia menjelang hari persaraannya. Kebelakangan ini, media Barat menjadikan Perdana Menteri antara bahan utama beritanya. Kenyataan Dr Mahathir disifatkan membuka mata dunia sebelah Barat.